



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN
NO. 51, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA

Rujukan Kami : KPKT.BH(S).100-6/1/3 Jilid 5 (22)

**PEKELILING KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENEMPATAN PEGAWAI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN KE PIHAK BERKUASA
TEMPATAN LAIN DALAM SESUATU NEGERI**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penjelasan serta panduan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berhubung cadangan kaedah pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain dalam sesuatu Negeri tanpa perubahan Pihak Berkuasa Melantik melalui jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) Ke-80 yang bersidang pada 14 Jun 2023 telah bersetuju dengan cadangan kaedah pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain tanpa perubahan Pihak Berkuasa Melantik melalui Jawatankuasa Penempatan Pegawai PBT yang akan ditubuhkan oleh MMKN. Cadangan ini juga

telah dibentang dan dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) pada 19 September 2022 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

3. Pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain dalam sesuatu Negeri adalah bertujuan untuk memperkasa penyampaian perkhidmatan Kerajaan Tempatan dalam menangani isu-isu yang berkaitan dengan perkhidmatan PBT yang bersifat tertutup (*closed service*). Di samping itu, pelaksanaan ini juga bertujuan untuk menambah baik tadbir urus PBT dan memperkukuh elemen integriti pegawai PBT selain memberi peluang mobiliti kepada pegawai PBT serta meningkatkan aspek pengalaman, akauntabiliti dan kredibiliti.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

4. Garis Panduan Pelaksanaan Penempatan Pegawai Pihak Berkuasa Tempatan ke Pihak Berkuasa Tempatan Lain Dalam Sesuatu Negeri adalah seperti pada **LAMPIRAN A**. Garis panduan ini bersifat umum supaya perkara-perkara yang perlu diperincikan boleh ditentukan dan dilaksanakan mengikut kesesuaian di peringkat Negeri/ Wilayah Persekutuan.

PERTANYAAN

5. Sebarang pertanyaan lanjut boleh dikemukakan kepada:

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Tingkat 10, No 51, Persiaran Perdana, Presint 4

62100 Putrajaya

(u.p.: Bahagian Kemampanan Bandar dan Persekitaran Hijau)

No. Tel. : 03-8891 5500 / 5501

E-mel : mnkt@kpkt.gov.my

TARIKH KUAT KUASA

6. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai **1 November 2023**.

PEMAKAIAN

7. Pekeliling ini adalah tertakluk kepada penerimaannya oleh Pihak Berkuasa Negeri masing-masing.



(DATUK WIRA M NOOR AZMAN BIN TAIB)
Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

30 Oktober 2023

Salinan kepada:

Ketua Setiausaha Negara

Peguam Negara
Jabatan Peguam Negara

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Jabatan Perkhidmatan Awam

Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri

LAMPIRAN A



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN**

**GARIS PANDUAN PELAKSANAAN
PENEMPATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN
KE PIHAK BERKUASA TEMPATAN LAIN
DALAM SESUATU NEGERI**

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENEMPATAN PEGAWAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN KE PIHAK BERKUASA TEMPATAN LAIN DALAM SESUATU NEGERI

TUJUAN

1. Garis panduan ini bertujuan untuk menjelaskan dasar dan prosedur pelaksanaan penempatan pegawai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ke PBT lain melalui penubuhan jawatankuasa supaya pelaksanaannya teratur dan seragam. Garis panduan ini bersifat umum supaya perkara-perkara yang perlu diperincikan boleh ditentukan dan dilaksanakan mengikut kesesuaian di peringkat Negeri/ Wilayah Persekutuan.

LATAR BELAKANG

2. Pelaksanaan penempatan pegawai PBT berdasarkan Garis Panduan ini tidak melibatkan perubahan Pihak Berkuasa Melantik (PBM).

3. Pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain ini memberi peluang kepada pegawai yang dilantik dan berkhidmat di sesebuah PBT ditempatkan secara sementara untuk satu tempoh penempatan tertentu ke PBT yang lain.

OBJEKTIF

4. Penempatan pegawai PBT ke PBT lain ini bertujuan:

- (i) mendedahkan pegawai kepada pengetahuan dan kemahiran baru melalui pengalaman penempatan di PBT lain;
- (ii) meningkatkan keupayaan kepimpinan dan pengurusan pegawai dalam persekitaran dan tadbir urus PBT yang berbeza;
- (iii) mendedahkan pegawai dengan budaya prestasi tinggi supaya budaya tersebut boleh diadaptasi dan diamalkan apabila pegawai kembali berkhidmat dengan PBT asal;

- (iv) menjadikan sistem penyampaian perkhidmatan PBT teratur dan berkesan terutamanya bagi skim perkhidmatan PBT yang tertutup; dan
- (v) meningkatkan kefahaman pegawai dalam aspek budaya kerja dan persekitaran PBT yang lain melalui aktiviti yang dijalankan oleh pegawai sepanjang penempatan ini.

TAFSIRAN

5. Untuk garis panduan ini, tafsiran terma-terma yang digunakan adalah seperti berikut:

“elaun” bermaksud elaun-elaun selain elaun bulanan lain yang termasuk dalam definisi emoluman;

“emolumen” bermaksud segala saraan yang dibayar kepada seseorang pegawai termasuk gaji pokok, imbuhan tetap, bayaran insentif dan elaun bulanan lain;

“gred jawatan hakiki” bermaksud gred jawatan yang disandangoleh pegawai di PBT asal sebelum ditempatkan ke PBT penerima berdasarkan prosedur yang ditetapkan oleh jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Garis Panduan ini;

“jawatankuasa” bermaksud jawatankuasa yang ditubuhkan melalui kelulusan di peringkat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) / Jabatan Wilayah Persekutuan bagi tujuan menyelaraskan pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain;

“Ketua Jabatan” bermaksud seseorang pegawai yang mengetuai sesebuah PBT atau Ketua Perkhidmatan bagi sesuatu perkhidmatan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

“MMKN” bermaksud Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar/ Ketua Menteri dan termasuk mesyuarat tertinggi di peringkat Jabatan Wilayah Persekutuan;

“Negeri” bermaksud semua Negeri di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan;

“PBT asal” bermaksud PBT yang melantik pegawai di mana pegawainya ditempatkan ke PBT penerima semasa tempoh penempatan;

“PBT penerima” bermaksud PBT yang menerima pegawai semasa tempoh penempatan;

“pegawai” bermaksud pegawai tetap PBT yang dilantik oleh sesebuah PBT di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171];

“Pejabat SUK Negeri” bermaksud Pejabat Setiausaha Kerajaan di setiap Negeri dan termasuk Jabatan Wilayah Persekutuan;

“Pekeliling JPA” bermaksud Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Pekeliling Perkhidmatan atau Surat Pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam; dan

“tempoh penempatan” bermaksud tempoh penempatan pegawai seperti pada perenggan 15, 16 dan 17 Garis Panduan ini.

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN

A. Dasar Penempatan Pegawai PBT ke PBT Lain

6. Berdasarkan subseksyen 9(1) Akta 171, setelah Pihak Berkuasa Negeri menetapkan dasar mengenai perkara ini melalui MMKN, PBT dalam sesebuah negeri boleh menempatkan pegawainya ke suatu PBT yang lain dalam negeri yang sama mengikut tatacara sebagaimana yang dinyatakan dalam Garis Panduan ini.

B. Penubuhan Jawatankuasa

7. Bagi memastikan penempatan pegawai PBT ke PBT lain di bawah Garis Panduan ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berkesan:

- (i) Pejabat SUK Negeri perlu menyediakan kertas pertimbangan untuk dibentangkan dalam MMKN mengenai penubuhan Jawatankuasa Penempatan Pegawai PBT di peringkat Negeri yang akan menyelaras pelaksanaan penempatan pegawai;
- (ii) MMKN perlu memutuskan perkara berikut:
 - (a) penubuhan jawatankuasa (termasuk nama jawatankuasa dan keurusetiaan);
 - (b) fungsi dan peranan jawatankuasa;
 - (c) keanggotaan jawatankuasa; dan
 - (d) perkara-perkara lain yang berkaitan mengikut keperluan di peringkat Negeri masing-masing.

8. Keanggotaan jawatankuasa boleh disesuaikan mengikut keperluan di setiap Negeri. Contoh struktur keanggotaan jawatankuasa adalah seperti berikut :

Pengerusi	YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Timbalan Pengerusi	Timbalan SUK Negeri (Pembangunan)
Setiausaha (Urus setia)	Bahagian Kerajaan Tempatan/ Bahagian Sumber Manusia
Ahli Tetap	(i) Penasihat Undang-Undang Negeri (ii) Pegawai Kewangan Negeri (iii) Timbalan SUK Negeri(Pengurusan) (iv) Setiausaha Bahagian Sumber Manusia / Kerajaan Tempatan; (v) Datuk Bandar/YDP PBT asal; (vi) Datuk Bandar/YDP PBT penerima; dan (vii) Ahli lain yang ditentukan oleh MMKN
Ahli Jemputan	Ahli lain yang ditentukan oleh Pengerusi jawatankuasa mengikut keperluan

9. Antara fungsi dan peranan jawatankuasa ini adalah:
- (i) mengenal pasti skim perkhidmatan dan gred perjawatan yang terlibat dalam kaedah pelaksanaan penempatan pegawai;
 - (ii) mengenal pasti dan memilih calon-calon pegawai untuk penempatan;
 - (iii) mengenal pasti PBT yang akan menjadi PBT penerima;
 - (iv) membuat ketetapan berkaitan kadar dan kaedah pembayaran insentif;
 - (v) membuat keputusan dalam melanjutkan, memendekkan atau menamatkan tempoh penempatan pegawai yang terlibat;
 - (vi) menetapkan prosedur atau garis panduan tambahan bagi tujuan pelaksanaan di PBT masing-masing;
 - (vii) memastikan pelaksanaan penempatan pegawai dan aspek lain yang berkaitan selaras dengan perundangan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa; dan
 - (viii) membuat keputusan mengenai hal-hal lain yang berkaitan seperti latihan, penambahbaikan kemajuan kerjaya dan sebagainya.

C. Kelayakan Pegawai

10. Pegawai yang layak diperakukan untuk penempatan adalah terdiri daripada pegawai berikut:
- (i) merupakan pegawai lantikan tetap dan telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - (ii) mempunyai kelayakan dan kompetensi yang sesuai dengan skop tugas di PBT penerima;
 - (iii) bukan dalam kalangan pegawai yang sedang dalam prosiding tatatertib;
 - (iv) bukan dalam kalangan pegawai yang mempunyai rekod tatatertib, namun boleh dipertimbangkan untuk ditempatkan sekiranya difikirkan sesuai; dan

- (v) mempunyai kelayakan-kelayakan lain yang difikirkan perlu oleh jawatankuasa.

D. Persetujuan Pihak-pihak Yang Terlibat

11. Mana-mana pegawai boleh memohon kepada jawatankuasa melalui Ketua Jabatan PBT asal untuk ditempatkan ke PBT lain bagi maksud di bawah Garis Panduan ini.

12. Pencalonan pegawai juga boleh dibuat atas syor Ketua Jabatan/ jawatankuasa.

13. Persetujuan pegawai adalah tertakluk kepada ketetapan/ keputusan jawatankuasa.

14. Penempatan pegawai adalah tertakluk kepada ketetapan/ keputusan jawatankuasa.

E. Tempoh Penempatan

15. Tempoh minimum penempatan adalah satu (1) tahun dan tidak melebihi dua (2) tahun, tertakluk kepada keputusan jawatankuasa.

16. Tempoh penempatan pegawai di PBT penerima boleh dipendekkan atau dilanjutkan tertakluk kepada keputusan jawatankuasa.

17. Pegawai yang terlibat hendaklah diberi notis oleh jawatankuasa secara bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tempoh penempatan bermula/ tamat/ dilanjutkan.

F. Emolumen

18. Emolumen akan dibayar oleh PBT asal mengikut gred jawatan hakiki yang disandang oleh pegawai.

G. Elaun dan Kemudahan

19. Pegawai layak menerima elaun dan kemudahan sama ada ditanggung/ dilaksanakan/ disalurkan berdasarkan keputusan jawatankuasa.

20. Jawatankuasa boleh menentukan kadar pembayaran elaun dan kemudahan kepada pegawai mengikut kesesuaian kewangan PBT masing-masing.

21. Pegawai yang kembali ke PBT asal tidak berhak menuntut apa-apa elaun, kemudahan atau faedah tambahan yang diterima semasa penempatan di PBT penerima.

H. Urusan Perkhidmatan Pegawai

22. Segala urusan surat-menyurat atau pengemukakan notis yang berhubung dengan perkara perkhidmatan dan penempatan pegawai PBT asal ke PBT penerima hendaklah ditandatangani dan dikeluarkan oleh Datuk Bandar/Yang Dipertua PBT asal.

23. Pelaksanaan penilaian prestasi pegawai boleh dilaksanakan seperti berikut:

- (i) Pegawai Penilai Pertama adalah pegawai penyelia di PBT penerima dan Pegawai Penilai Kedua adalah Ketua Jabatan di PBT asal; atau
- (ii) mengikut ketetapan yang dipersetujui oleh jawatankuasa.

24. Tempoh penempatan diambil kira bagi pengiraan pencen dan tujuan faedah persaraan.

25. Pegawai juga adalah tertakluk kepada peraturan tatatertib serta etika kerja dan mana-mana undang-undang dan peraturan semasa yang berkuatkuasa. Sekiranya pegawai yang ditempatkan di PBT penerima melakukan kesalahan tatatertib, PBT penerima hendaklah menyediakan laporan tatatertib pegawai dan diserahkan kepada PBT asal untuk tindakan tatatertib.

26. Semasa penempatan pegawai di PBT penerima, pegawai boleh dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat oleh PBT asal. Sekiranya pegawai dinaikkan pangkat, PBT asal dan PBT penerima boleh bersetuju untuk meneruskan tempoh penempatan pegawai berkenaan.

I. Skop Tugas Pegawai

27. Pelaksanaan fungsi dan tugas pegawai yang terlibat adalah berdasarkan skop tugas yang ditentukan oleh jawatankuasa tertakluk kepada peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkaitan.

J. Penyelarasan

28. Jawatankuasa boleh melantik Jawatankuasa Kecil untuk bertindak sebagai urus setia bagi pelaksanaan penempatan pegawai PBT ke PBT lain dalam sesuatu Negeri.

K. Implikasi Perundangan dan Kewangan

29. Jawatankuasa hendaklah memastikan urusan penempatan pegawai PBT ke PBT lain tidak akan melibatkan implikasi kewangan kepada Kerajaan Persekutuan.

30. Urusan penempatan pegawai PBT ke PBT lain hendaklah mematuhi peruntukan Akta 171 atau apa-apa undang-undang bertulis lain yang berkuatkuasa.

RUJUKAN

31. Jawatankuasa boleh merujuk Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh JPA sebagai panduan/ perbandingan dalam melaksanakan keputusan mereka:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.2.1.1: Dasar dan Prosedur Penempatan Pegawai di bawah Program Penempatan Silang (*Cross Fertilisation Program*);

- (ii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.2.1: Dasar dan Prosedur Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap; dan
- (iii) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.2.2: Dasar Baru Pelantikan Secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap.

PEMAKAIAN

32. Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk kepada penerimaan di peringkat Negeri.

**Ketua Setiausaha
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan**